



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN BERSAMA
SISTEM PENGEBILAN BERSEPADU
INDAH WATER KONSORTIUM (IWK) SDN BHD DENGAN
SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD. (SATU)**

KUALA LUMPUR

20 DISEMBER 2019

YB Dato' Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli dan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama Pengebilan Bersepadu Perkhidmatan Air dan Pembedungan Negeri Terengganu di antara Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd dengan Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) pada hari ini.

IWK diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Narendran Maniam manakala SATU pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Ir. Haji Ateemin Sulong.

Pengebilan bersepadu yang bakal dilaksanakan pada Januari depan akan melibatkan 20,661 akaun pelanggan bagi premis yang menggunakan perkhidmatan pembedungan jenis bersambung.

Jumlah pengebilan bersepadu ini hanya merangkumi lima peratus daripada jumlah akaun air di Terengganu. Bagi pelanggan yang menggunakan perkhidmatan pengosongan tangki septik individu atau tandas tradisional, bil-bil pembedungan mereka akan dikeluarkan oleh IWK sendiri.

Dengan termeterainya perjanjian bil bersepadu ini, pelanggan perkhidmatan pembedungan jenis bersambung di Terengganu akan menerima bil bersepadu pertama pada bulan Mac 2020.

Perlaksanaan bil bersepadu ini akan dapat meningkatkan pengurusan dan kecekapan industri air dan pembedungan, di samping menyokong hasrat Kerajaan ke arah ke arah integrasi perkhidmatan air dan pembedungan pada masa akan datang. Pengebilan bersepadu ini akan memudahkan pengguna membuat pembayaran melalui satu bil sahaja.

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) berharap agar operator-operator air di negeri-negeri lain akan dapat turut sama menjayakan pelaksanaan pengebilan bersepadu ini, selepas Terengganu menjadi negeri pertama menjalankannya di Semenanjung Malaysia. Ia juga memberi sumber kewangan tambahan kepada operator air yang berperanan sebagai ejen kutipan untuk caj pembedungan.

Setakat ini, kerjasama dengan Jabatan Bekalan Air Labuan (JBAL) telah mencapai hasil yang positif di mana kadar kutipan caj pembedungan bagi bil IWK sehingga September 2019 telah mencapai sebanyak 91.6 peratus.

Melalui pengebilan bersepadu, operator air boleh memotong bekalan air ke atas pelanggan yang tidak membuat bayaran bil bersepadu (termasuk pembedungan) mengikut dasar pemotongan bekalan air yang dipersetujui. Perkara ini juga termaktub dalam Seksyen 89, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

KATS berkeyakinan dengan kerjasama antara kedua-dua syarikat berkaitan akan dapat meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan bekalan air dan pembedungan yang akhirnya akan memberi manfaat kepada pengguna di negeri itu.

**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
KUALA LUMPUR.
20 DISEMBER 2019**